

Oleh Azlina Mohd Sera'ai  
Guru Bahasa Sepanyol di Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa,  
Universiti Putra Malaysia, Selangor.

# PELUANG PEKERJAAN MENERUSI PENGUASAAN PELBAGAI BAHASA

Bahasa merupakan lambang yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi antara satu sama lain, melahirkan perasaan, menyampaikan ilmu, menggambarkan peristiwa sosial, identiti sesebuah negara dan lain-lain. Di Malaysia, bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan rakyat Malaysia yang telah termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Setiap rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa, wajib menguasai bahasa Melayu dengan baik dan memertabatkannya dalam semua aspek seperti pendidikan dan pekerjaan. Walau bagaimanapun, dalam era globalisasi pada hari ini, penguasaan sekurang-kurangnya satu bahasa asing selain bahasa ibunda dan bahasa Inggeris sangat bermanfaat untuk meningkatkan keupayaan menimba ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang.

Jika dilihat senario ini pada hari ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meletakkan kepentingan mempelajari bahasa asing di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah) menerusi anjakan kedua transformasi sistem pendidikan negara daripada sebelas anjakan yang disyorkan. Dalam anjakan tersebut dinyatakan bahawa menjelang tahun 2025, setiap murid bermula dari peringkat sekolah rendah hingga pelajar pada peringkat sekolah menengah digalakkan mempelajari bahasa tambahan (bahasa Arab, bahasa Cina, bahasa Tamil, bahasa Sepanyol, bahasa Perancis dan bahasa Jepun) selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Anjakan tersebut dilakukan bagi mempersiapkan generasi muda untuk menghadapi keperluan abad ke-21.

Seterusnya, kesinambungan daripada PPPM 2013-2025 yang menumpukan pada pendidikan prasekolah hingga lepas menengah, KPM telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) atau ringkasnya PPPM (PT) 2015-2025 pada April 2015 bagi tujuan mentransformasikan sistem pendidikan tinggi negara seiring dengan aliran global semasa serta sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran masa hadapan. PPPM (PT) telah menggariskan 10 lonjakan



bagi mencapai aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Dalam lonjakan pertama tersebut, turut menyentuh kepentingan mempelajari satu bahasa global tambahan selain bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai satu daripada kemahiran berbahasa mereka.

### **Buka Lebih Banyak Peluang Pekerjaan**

Sudah pastinya, penguasaan sekurang-kurangnya satu bahasa asing selain bahasa ibunda dan bahasa Inggeris dapat meningkatkan peranan yang meluas dalam hubungan antarabangsa, menjadi nilai tambah dan memudahkan seorang individu untuk berjaya dan bersaing dalam pasaran dunia pekerjaan kelak. Antara bidang profesion atau sektor yang boleh diceburi oleh individu yang mahir dalam pelbagai bahasa ialah sektor kerajaan, sektor industri, perniagaan dan perdagangan serta sektor pelancongan.

Dalam sektor kerajaan, individu yang mempunyai kelulusan tambahan dalam bahasa asing boleh menyertai perkhidmatan sebagai guru atau pensyarah, jurubahasa, penterjemah, pegawai perancang bahasa, pegawai penerbitan, pegawai penyiaran, wartawan, pengarang atau editor, pegawai tadbir dan diplomatik, pegawai imigresen, pegawai kastam, pegawai trafik udara, pegawai perisik, pegawai polis, pegawai tentera, pegawai penguat kuasa dan lain-lain.

Dalam sektor industri, perniagaan dan perdagangan pula, mereka boleh menceburi kerjaya sebagai pegawai perkhidmatan pelanggan, jurubahasa, penterjemah, pegawai jualan, pegawai pemasaran dan pengiklanan, pegawai logistik dan pengangkutan, kerjaya yang melibatkan import dan eksport, perkhidmatan komputer dan perisian, dan lain-lain. Kebanyakan

kerjaya yang disenaraikan amat diperlukan di syarikat telekomunikasi, pengiklanan, perundingan, komputer dan perisian, import dan eksport, peruncitan, institusi perbankan dan firma-firma asing.

Di samping itu, mereka juga boleh melibatkan diri dalam sektor pelancongan. Sektor ini berupaya memberikan pulangan kewangan yang menarik dan lumayan, terutamanya perkhidmatan di hotel-hotel ternama, pusat peranginan atau percutian mewah. Antaranya termasuklah berkhidmat sebagai jurubahasa, penterjemah, pemandu pelancong kepada pelawat yang datang dari negara Eropah, Timur Tengah, Asia, China dan lain-lain. Tidak ketinggalan bertugas sebagai pramugari dan pramugara, pegawai tempahan, pegawai perkhidmatan pelancongan di lapangan terbang dan syarikat penerbangan di dalam dan di luar negara juga menjadi antara kerjaya yang ditawarkan.

### **Bahasa Asing Ditawarkan di Peringkat Sekolah Menengah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT)**

Penawaran bahasa asing di peringkat sekolah mahupun di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT) sudah lama diperkenalkan dan dibawa masuk ke dalam struktur pendidikan di Malaysia. Pada peringkat awal, penawaran bahasa asing hanya wujud di sekolah berasrama penuh terpilih. Kemudian, sejajar dengan pelancaran PPPM dan PPPM (PT), bermula pada tahun 2020, kurikulum pengajaran bahasa asing mula diperluas dan diterapkan dalam pembelajaran pelajar di peringkat sekolah menengah. Pembelajaran bahasa asing tersebut dikategorikan sebagai satu daripada mata pelajaran elektif yang boleh diambil oleh pelajar di peringkat sekolah menengah. Antara mata pelajaran elektif bahasa yang



Pelajar dari Malaysia, Hungary, Jerman dan United Kingdom berjaya memperoleh sijil bahasa setelah mengikuti kursus bahasa asing selama dua minggu di negara natif.

ditawarkan termasuklah bahasa Arab, Cina, Perancis, Korea, Jepun dan Jerman.

Di peringkat pengajian tinggi pula, boleh dikatakan hampir kebanyakan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan beberapa institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di Malaysia menawarkan subjek bahasa asing kepada para pelajarnya. Antaranya, Universiti Malaya (UM) merupakan perintis ulung yang menawarkan pengajian bahasa asing di peringkat ijazah sarjana muda bermula pada tahun 1998. UM menawarkan Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik (pengkhususan dalam bahasa Arab, bahasa Cina, bahasa Jepun, bahasa Itali, bahasa Jerman, bahasa Perancis, bahasa Sepanyol dan bahasa Tamil). Di peringkat IPTS, Universiti Nottingham Malaysia dikenal pasti menawarkan dua jenis ijazah sarjana muda secara kombinasi program, iaitu hubungan antarabangsa dengan bahasa Perancis atau bahasa Sepanyol.

Universiti-universiti awam lain seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), Universiti

Teknologi Mara (UiTM), Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) menawarkan bahasa asing sebagai subjek wajib atau elektif. Antara pilihan bahasa yang boleh dipelajari ialah bahasa Arab, Cina, Itali, Jepun, Jerman, Korea, Myanmar, Perancis, Sepanyol, Thai, Turki, dan Tamil.

Di peringkat IPTS pula, Universiti Multimedia (MMU), Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Universiti Kuala Lumpur Malaysian Spanish Institute (UniKL MSI), Universiti Kuala Lumpur Malaysian French Institute (UniKL MFI), Asia Pacific University of Technology and Innovation (APU), Management and Science University (MSU), dan Universiti Taylor's juga menawarkan bahasa asing sebagai subjek major atau elektif.

Sekolah-sekolah antarabangsa seperti Australian International School Malaysia, The British International School of Kuala Lumpur, Sri KDU International School, elc International School, Sayfol International School, Kingsgate International School, Sunway International School, Mont Kiara International School, Garden International School, French International School, International School Kuala Lumpur, HELP International School, German School Kuala Lumpur, Tanarata International School, Alice Smith School, The International School @ Parkcity, Nexus International School, Fairview International School, Dalat International School (Pulau Pinang), St. Christopher's International School, International

School of Penang (Uplands) juga menawarkan subjek bahasa asing sebagai pilihan kepada para pelajaranya.

Bahkan terdapat penawaran kursus bahasa asing kepada pegawai diplomatik dan orang awam di sebuah badan kerajaan, iaitu di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri.

### **PANDUAN MENGUASAI BAHASA ASING**

Terdapat pelbagai panduan yang boleh dimanfaatkan untuk menguasai bahasa asing. Panduan tersebut mudah didapati di dalam laman web, buku dan lain-lain. Pada hakikatnya, setiap individu berupaya menguasai pelbagai bahasa asing yang diingini, namun bergantung sepenuhnya pada usaha dan kemahuan diri sendiri. Disenaraikan beberapa panduan mudah bagi membolehkan seseorang menguasai bahasa asing dengan baik.

#### **Menetapkan matlamat mempelajari bahasa asing**

Sebelum memulakan sesuatu pekerjaan, sudah tentu setiap individu mempunyai niat atau matlamat. Niat dan matlamat itulah yang akan mendorong seseorang untuk menguasai bahasa asing yang dipilih dengan bersungguh-sungguh dan gigih. Individu tersebut perlu menetapkan bahasa yang ingin dipelajari, tempoh (jangka masa pendek atau jangka masa panjang) dan kaedah pembelajaran (secara bersemuka atau secara maya atau belajar secara bersendirian).

#### **Mengurus masa dan cara belajar dengan bijak**

Panduan ini amat penting kerana dapat menentukan kejayaan atau kegagalan seseorang untuk mempelajari bahasa asing. Disyorkan agar memperuntukkan masa selama tiga jam dalam seminggu untuk membuat kad imbas, latihan

ulang kaji, membuat nota kecil dan berbincang dengan rakan atau guru sekiranya mempunyai keraguan dalam pemahaman bahasa tersebut.

#### **Menguasai kosa kata**

Inti utama untuk mempelajari bahasa asing adalah dengan menguasai kosa kata. Pada peringkat awal, seseorang individu hanya mempelajari lebih kurang antara 50 hingga 200 kosa kata baharu. Setelah itu, semakin tinggi tahap bahasa yang dipelajari semakin meningkat bilangan kosa kata yang perlu dikuasainya. Bagi menguasai kosa kata tersebut, pelbagai cara boleh digunakan.

Sebagai contoh, dengan menggunakan kad imbas yang ditulis perkataan dalam bahasa asing di bahagian hadapan dan ditulis maksudnya dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris di bahagian belakang kad. Disarankan untuk membaca dan menyebut kad imbas tersebut sebanyak dua kali sehari sehingga mendapati kosa kata tersebut telah dihafal. Disarankan juga agar dapat menulis di atas kertas kosa kata tersebut berserta maksud perkataan bagi menguji daya ingatan anda. Sekiranya berpuas hati dengan kemajuan tersebut barulah anda bergerak untuk mempelajari sekumpulan kosa kata baharu yang lain.

Seseorang individu juga digalakkan berusaha untuk mencari kosa kata tambahan selain kosa kata yang dipelajari secara formal di dalam kelas menerusi laman web atau menerusi pemerhatian aktiviti harian. Catatkan penemuan tersebut di dalam buku nota kecil dan tetapkan masa seperti pada hujung minggu, untuk menyemak kembali kosa kata tersebut.

Selain itu, aplikasi yang memfokuskan pembelajaran bahasa juga boleh dimanfaatkan. Antara aplikasi popular yang terkandung dalam telefon pintar

termasuklah *Duolingo*, *Memrise*, *Busuu*, *Babbel*, *LinguaLift*, *Rosetta Stone* dan *Mindsnacks*.

### Memahami tatabahasa

Memahami peraturan tatabahasa yang terkandung dalam bahasa asing yang dipelajari juga merupakan inti utama untuk mempelajari bahasa asing. Pemahaman ini dapat membantu anda menguasai bahasa asing dengan mudah dan cepat. Sekiranya wujud masalah untuk memahami topik tatabahasa, anda boleh mengajukan persoalan tersebut kepada guru atau rakan sekelas. Bagi mengukuhkan pemahaman tatabahasa yang dipelajari, disarankan agar meluangkan masa selama tiga jam dalam seminggu untuk membuat latihan tatabahasa di dalam buku teks, buku latihan, aplikasi yang memfokuskan bahasa (*Duolingo*, *Memrise*, *Busuu*, *Babbel*, *LinguaLift*, *Rosetta Stone*, *Mindsnacks*) atau membuat latihan secara dalam talian dan anda boleh menyemak jawapannya secara automatik.

### Menguasai aspek pendengaran dan pertuturan

Aspek pendengaran dan pertuturan merupakan kemahiran bahasa yang terangkum dalam pembelajaran bahasa asing. Disyorkan agar anda kerap mendengar percakapan, perbualan atau sebutan penutur natif menerusi filem, lagu, cakera padat, audio siar (*podcast*), aplikasi bahasa dalam telefon pintar atau melalui laman web. Inisiatif ini penting bagi memperbaiki cara sebutan, mengetahui struktur ayat yang digunakan dan meningkatkan kefahaman butiran yang dituturkan oleh penutur natif. Disarankan juga agar anda merekodkan sendiri sebutan dengan menggunakan fungsi rekod yang terdapat di dalam telefon pintar masing-masing. Kemudian, dengarkan kembali sebutan yang direkod tersebut

agar anda dapat mengetahui kesilapan yang wujud. Ulangi sebutan sehingga mirip sebutan penutur natif.

Bagi meningkatkan kemahiran bertutur, dicadangkan agar anda sentiasa menggunakan bahasa asing yang dipelajari sebanyak mungkin dengan cara berkomunikasi dengan guru dan rakan di dalam kelas. Pada peringkat permulaan, anda hanya berupaya memanfaatkan beberapa kosa kata dan tatabahasa yang mudah, namun sekiranya usaha untuk bertutur dalam bahasa asing dipraktikkan secara konsisten, maka usaha tersebut akan menampilkan hasilnya. Cara lain juga yang dapat dipraktikkan adalah menerusi pencarian penutur natif dalam kumpulan bahasa yang banyak terdapat di laman Facebook.

### Menguasai aspek penulisan

Penulisan berfungsi menyampaikan maklumat dan menyebarkan pengetahuan yang baharu. Oleh itu, sebelum memulakan penulisan, anda disarankan untuk memahami terlebih dahulu peraturan tatabahasa bahasa asing yang dipelajari dan memperoleh kosa kata yang mencukupi. Biasakan diri untuk membaca teks pendek, buku cerita pendek, majalah, surat khabar yang dapat diperoleh dalam bentuk salinan keras, secara dalam talian mahupun aplikasi dalam telefon. Disyorkan agar anda memfokuskan cara penyampaian struktur ayat, ejaan dan maksud keseluruhan teks. Teks yang dihasilkan boleh disemak oleh guru atau membandingkan cara penulisan anda dengan contoh penulisan yang diberikan.

### Jangan takut membuat kesilapan

Tip ini amat penting dalam pembelajaran bahasa asing. Sudah menjadi lumrah apabila kita mempelajari sesuatu perkara yang

baharu, acap kali kita tersungkur atau membuat kesilapan. Hal yang sama juga berlaku apabila kita mempelajari bahasa asing yang baharu. Sudah tentu anda tidak memahami peraturan dan tidak dapat menguasai kosa kata dengan baik pada peringkat awal. Dengan erti kata lain, penguasaan bahasa asing sering dikaitkan dengan beberapa peringkat pembelajaran, percubaan dan proses kesilapan.

Anda tidak perlu risau membuat kesilapan. Daripada kesilapan tersebutlah bermulanya proses pembelajaran. Bak kata pepatah Inggeris, *practice make perfect*. Jika anda memfokuskan kerisauan atau ketakutan untuk membuat kesilapan, maka anda tidak akan mencapai kebolehan bertutur dengan baik. ds



Para pelajar berbincang dan berusaha menggunakan bahasa asing yang dipelajari.



Pertandingan *Foreign Language Spelling Bee* dianjurkan bagi meningkatkan keyakinan bertutur dan kemahiran mendengar.



Pelajar mempraktikkan bahasa asing yang dipelajari dengan membuat tempahan makanan di sebuah kedai di negara natif.